

19/02/2003

Deklarasi akan diserahkan kepada PM

Sani Salleh

KUALA LUMPUR: Sekretariat Aman Malaysia berusaha menghasilkan satu deklarası rakyat Malaysia berhubung keamanan yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata deklarası itu akan diserahkan pada perhimpunan raksasa di Stadium Bukit Jalil, pada 23 Februari ini, yang dijangka turut dihadiri semua pemimpin yang hadir pada Sidang kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13, mulai 20 Februari ini.

Beliau yang juga Penaung Aman Malaysia berkata demikian pada sidang akhbar, selepas menyaksikan pelancaran kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia, bagi industri pelancongan yang disempurnakan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir di hotel Shangri-la di sini, semalam.

Antara persatuan industri pelancongan yang menyatakan komitmen terhadap kempen itu ialah Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) dan Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Abdul Kadir memberitahu pemberita selepas majlis sokongan itu, selaras program berkenaan, pemilik hotel sekitar Lembah Klang bersetuju mengadakan kaunter khas di lobi hotel untuk mengumpul tandatangan di kalangan kakitangan dan pelanggan.

Beliau dalam ucapannya sebelum itu, berkata usaha mengumpul tandatangan itu adalah inisiatif positif industri pelancongan dalam usaha memberi sokongan mantap terhadap kempen antiperang tanpa mengira bangsa dan agama.

"Ia landasan bagi rakyat Malaysia menyuarakan bantahan terhadap peperangan atau keganasan. Industri pelancongan akan terus memberikan sokongan mantap terhadap kempen berkenaan bukan saja berkaitan isu Palestin dan Iraq, bahkan isu kemanusiaan lain," katanya.

Kempen Sejuta Tandatangan anjuran Aman Malaysia, terus mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan individu prihatin negara ini yang cintakan keamanan.

Sementara itu, Hishammuddin menyatakan rasa puas hati dengan prestasi kempen pengumpulan tandatangan di samping berjaya membawa pembabitan 1,100 persatuan memberikan sokongan terhadap kempen berkenaan.

"Deklarasi yang dirancang adalah hasil daripada rumusan yang dibuat dalam beberapa aktiviti Aman Malaysia, sebelum ini seperti forum keamanan dan perjumpaan yang sudah dianjurkan dan mendapat sambutan memberangsangkan," katanya.